

**Khairy, Shahrizat Terus Di Depan  
Bernama  
12 Oct, 2013**

KUALA LUMPUR, 12 Okt (Bernama) -- Penyanggah Ketua Pemuda Umno Khairy Jamaluddin Abu Bakar terus mendahului empat pencabarnya apabila membolot kesemua 34 undi dalam keputusan pemilihan sayap-sayap Umno yang diumumkan setakat 10.30 malam ini.

Empat pencabar Khairy iaitu Syed Rosli Syed Harman, Akhramsyah Muammar Ubaidah Sanusi, Irwan Ambak Khalid Izhar dan Abd Karim Ali belum memperoleh undi mengikut keputusan yang diumumkan Pengerusi Jawatankuasa Pemilihan Umno Tan Sri Tajol Rosli Ghazali di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Penyanggah Ketua Wanita Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil turut mendahului saingannya dengan memperoleh 35 undi.

Seorang pencabarnya, Datuk Maznah Mazlan telah memperoleh undi pertamanya manakala Raihan Suleiman Palestin masih belum memperoleh sebarang undi.

Bagi jawatan Naib Ketua Wanita, Datuk Azizah Mohd Dun meraih 27 undi dan seorang lagi calon, Datuk Suraya Yaacob, sembilan undi.

Calon Naib Ketua Pemuda, Khairul Azwan Harun pula memperoleh 14 undi, diikuti Mohamad Iruan Zulkefli (lapan), Jamawi Jaafar (lapan) dan Lokman Noor Adam (tiga).

Dalam pada itu, calon Ketua Puteri, Mas Ermieyati Samsudin memperoleh 37 undi berbanding lawannya Jamilah Hanim Othman dengan 12 undi.

Bagi jawatan Naib Ketua Puteri, Zahida Zariq Khan mendapat 28 undi, disusuli dua lagi calon, Norsabrina Mohd Nor (14) dan Nazliah Ali (tujuh).

Berhubung keputusan pemilihan yang dipaparkan menerusi media elektronik, Tajol Rosli menegaskan ia tidak mencerminkan kedudukan sebenar calon kerana keputusan rasmi hanya seperti yang diumumkan pada sidang media di PWTC.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=985301>